

MEMPERKASA MODAL INSAN BERKUALITI MELALUI PROGRAM AKADEMIK DI UNIVERSITI: SATU KAJIAN KES

Aziah Ismail & Abdul Ghani Abdullah

ABSTRAK

Modal insan berkualiti merupakan aset yang penting dalam usaha menggerakkan pembangunan dan kemajuan negara. Artikel ini menghuraikan tentang pendekatan yang diambil oleh sebuah universiti awam-antarabangsa dalam usaha memperkasa kualiti modal insan yang bakal mereka keluarkan. Kajian mendapati universiti yang dikaji telah menggunakan program akademik yang ditawarkan sebagai mekanisme utama dalam memperkasa modal insan, iaitu dengan menawarkan program-program akademik baru yang relevan dengan keperluan semasa, menilai semula program-program yang telah sedia ditawarkan serta mengintegrasikan nilai-nilai Islam dalam program akademik yang ditawarkan bagi melahirkan modal insan yang bersahsiah dan berakhlak terpuji. Hal ini untuk memastikan program akademik yang ditawarkan adalah relevan dengan keperluan semasa sesuai dengan hasrat untuk memperkasa kualiti modal insan yang bakal dikeluarkan. Malahan, aspek kualiti yang ingin diperkasa bukan hanya bertumpu kepada kemahiran dan pengetahuan, tetapi turut memberi penekanan terhadap aspek sahsiah dan akhlak diri modal insan tersebut.

Pendahuluan

Modal insan berkualiti merupakan aset yang penting dalam usaha menggerakkan pembangunan dan kemajuan negara (Johari 2000; Sufean 2002). Pembinaan modal insan merangkumi satu proses lengkap membentuk tenaga kerja manusia yang berilmu, berakhlak, berkemahiran, berdaya saing dan berdaya tahan. Pelaburan modal insan pula bermaksud apa sahaja bentuk pelaburan yang dapat meningkatkan produktiviti (Schultz 1977).

Pembangunan ekonomi dalam dekad 1990-an menunjukkan peralihan daripada pembangunan ekonomi berasaskan perindustrian kepada pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan (*k*-ekonomi). Peralihan ekonomi ini mengakibatkan perubahan dalam bidang industri yang berteknologi sederhana dan berat kepada industri berteknologi tinggi seperti bioteknologi, nanoteknologi, mikroteknologi, teknologi tinggi, fotonik, teknologi sel bahan api, teknologi maklumat dan sebagainya (Kementerian Pendidikan Malaysia 2001). Justeru, perancangan sumber manusia di Malaysia turut memberi penekanan kepada pembangunan modal insan yang dilengkapi dengan keperluan akademik serta kemahiran dan kepakaran yang diperlukan terutamanya dalam bidang sains dan teknologi, teknologi maklumat dan komunikasi serta kemahiran-kemahiran pekerjaan (*employment skills*) yang tinggi. Hasrat ini sesuai dengan aspirasi negara agar modal insan yang dihasilkan dapat turut bersaing dalam perubahan ekonomi dunia dan era globalisasi (Kementerian Pendidikan Malaysia 2001).

Pembangunan sumber manusia juga merupakan teras kejayaan sesebuah negara kerana kualiti sumber manusia merupakan penentu kemampuan sesebuah negara bersaing di peringkat global berasaskan acuan Malaysia (Zainol Abidin 1992). Rahmah (1996) menegaskan bahawa pembangunan sumber manusia, komponen modal insan adalah sangat penting dan ia dapat ditingkatkan melalui proses pendidikan dan latihan yang diterima, selain daripada kesihatan dan keupayaan yang ada pada seseorang. Sesebuah negara yang tidak berupaya untuk membangunkan tenaga manusianya dengan baik akan menyebabkan negara tersebut tidak dapat membangun dengan sempurna kerana pembangunan sumber manusia merupakan prasyarat untuk mencapai matlamat politik, sosial, kebudayaan dan ekonomi negara.

Akibat peralihan ekonomi negara kepada *k*-ekonomi, pembangunan sumber manusia di universiti juga turut diberi perhatian dan penekanan (Kementerian Pendidikan Malaysia 2001). Hal ini selaras dengan pernyataan World Bank (1994) yang menyatakan bahawa pendidikan peringkat tinggi mempunyai tanggungjawab yang penting bagi menjamin pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Ahli-ahli ekonomi berpendapat bahawa universiti sebagai satu pelaburan jangka panjang yang amat menguntungkan terutamanya dalam usaha membekalkan tenaga manusia terlatih dalam pelbagai bidang (Chew dan Lee 1995). Tenaga manusia terlatih ini menjadi aset yang amat penting dalam usaha menggerakkan pembangunan dan kemajuan negara (Johari 2000; Sufean 2002). Hal ini adalah kerana kemajuan dan kekayaan sesebuah negara bukan

diukur daripada kuantiti sumber alam yang dimiliki tetapi kualiti modal insan yang kreatif dalam mencanai usaha-usaha pembangunan masyarakat dalam pelbagai bidang kehidupan (Sufean 2002).

Sehubungan itu, universiti sebagai institusi yang unggul dalam menghasilkan ilmu pengetahuan yang tidak dihasilkan oleh pendidikan peringkat lain (Fehl 1965) mempunyai peranan yang penting dalam melahirkan modal insan yang diperlukan oleh negara. Justeru, universiti perlu peka terhadap program-program akademik dan latihan yang ditawarkan agar seiring dengan peranan mereka dalam menyediakan masyarakat dengan pengetahuan dan kemahiran sebagai bekalan dalam menghadapi perubahan yang berlaku di persekitaran sama ada persekitaran dalaman mahupun luaran mereka (Altbach 1991; Fagerlind dan Saha 1983; Hussein 1993; Saha 1991).

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan meneliti pendekatan yang diambil oleh sebuah universiti awam-antarabangsa di Malaysia untuk meningkatkan kualiti program akademik mereka dalam usaha memperkasa modal insan berkualiti yang bakal dihasilkan.

Metodologi Kajian

Data kajian ini telah dikumpulkan dengan menggunakan dua teknik pengumpulan data, iaitu teknik temu bual dan analisis dokumen. Sejumlah tujuh orang responden yang telah dipilih melalui persampelan terpilih (*purposive sampling*) yang terdiri daripada Timbalan Rektor Akademik, Dekan dan Timbalan Dekan universiti tersebut. Semua responden ini telah ditemu bual secara mudah. Manakala, analisis dokumen dilakukan ke atas dokumen-dokumen rasmi universiti tersebut bagi mendapatkan data yang berkaitan.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan bahawa universiti tersebut telah menggunakan program akademik yang ditawarkan sebagai mekanisme utama dalam memperkasa modal insan. Dalam merealisasi usaha tersebut terdapat beberapa pendekatan yang telah diambil, iaitu menawarkan program-program akademik

baru yang relevan dengan keperluan semasa, menilai semula program-program yang telah sedia ditawarkan serta mengintegrasikan nilai-nilai Islam dalam program akademik yang ditawarkan bagi melahirkan modal insan yang bersahsiah dan berakhlak terpuji.

Kerelevanan program akademik dengan keperluan semasa

Perubahan dalam keperluan persekitaran telah memberi tekanan kepada semua institusi pendidikan tinggi termasuk Universiti A (dinamakan sebegini bagi memelihara etika penyelidikan) untuk memperkasa modal insan yang bakal dihasilkan. Hal ini adalah kerana kualiti yang ada pada modal insan yang bakal dihasilkan adalah perlu relevan dengan keperluan semasa persekitaran. Satu daripada langkah yang diambil oleh Universiti A sebagai usaha memperkasa modal insan negara ialah menerapkan pengetahuan dan kemahiran yang terkini melalui program akademik yang ditawarkan.

Implikasi daripada perubahan yang berlaku di luar telah menyebabkan Universiti A perlu memikirkan alternatif tertentu untuk membangunkan program akademik bagi memastikan program tersebut dapat melengkapkan graduan-graduannya dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh persekitaran semasa. Sehubungan itu, Universiti A telah mengambil beberapa langkah tertentu untuk memastikan program akademik yang ditawarkan di universiti tersebut seiring dengan keperluan semasa. Langkah tersebut meliputi usaha mengemas kini dan memperkembangkan program akademik yang telah ditawarkan serta berusaha untuk menawarkan program akademik yang baru sesuai dengan tuntutan persekitaran.

Mengemas kini dan memperkembangkan program akademik yang telah ditawarkan

Satu daripada usaha Universiti A untuk memastikan program akademik yang mereka tawarkan adalah selari dengan keperluan persekitaran ialah dengan mengemas kini dan memperkembangkan program akademik yang sedia ada ditawarkan di universiti tersebut. Usaha ini dilakukan dengan menyemak semula program akademik tersebut dan melakukan pengubahsuaian sekiranya perlu. Pengubahsuaian terhadap program akademik yang telah ditawarkan akan dilakukan berdasarkan perubahan keperluan persekitaran terhadap program tersebut. Proses ini akan

dilakukan sehingga mencapai satu tahap kualiti yang ditetapkan oleh Universiti A, dengan program akademik yang sama yang ditawarkan oleh universiti lain sebagai rujukan (*benchmark*).

Tindakan mengemas kini dan memperkembangkan program yang sedia ada ini dilakukan berdasarkan maklum balas yang diperoleh oleh Universiti A daripada pihak-pihak yang berkepentingan terhadap organisasi tersebut. Maklum balas ini dapat diperoleh menerusi perbincangan penyemakan semula program akademik yang dijalankan oleh Lembaga Pengkaji Universiti A. Hal ini adalah kerana ahli Lembaga Universiti tersebut adalah terdiri daripada wakil pihak yang berkepentingan seperti pihak kerajaan dan swasta, juga wakil daripada universiti yang lain. Penglibatan wakil daripada universiti yang lain dapat membantu Universiti A untuk mempelajari pelbagai perkara yang berkaitan berdasarkan pengalaman universiti masing-masing.

Selain daripada itu, maklum balas daripada pihak berkepentingan yang lain turut diperoleh melalui hubungan Universiti A dengan pihak-pihak tersebut dan menerusi kajian yang dijalankan oleh staf akademik di universiti tersebut. Kajian yang dilakukan ini adalah berdasarkan maklum balas daripada pihak majikan terhadap kesesuaian kepakaran dan keupayaan graduan Universiti A yang diambil bekerja di syarikat mereka. Berdasarkan dapatan daripada kajian yang dilakukan ini, segala kelemahan dalam program akademik tersebut akan dikaji semula dan diperbaiki.

Berdasarkan penjelasan responden, dapat disimpulkan pihak Universiti A sentiasa mengkaji semula program akademik yang telah ditawarkan. Hal ini bertujuan untuk mengemas kini dan memperkembangkan program akademik tersebut agar sentiasa selari dengan keperluan dan kehendak persekitaran.

Penawaran program akademik baru

Selain mengemas kini dan memperkembangkan program akademik yang sedia ada, Universiti A turut mewujudkan program-program akademik yang baru untuk ditawarkan kepada pelajar sebagai satu daripada tindakan bagi memastikan program akademik yang ditawarkan selari dengan keperluan semasa persekitaran. Kajian mendapati, program akademik yang baru akan ditawarkan sekiranya terdapat pihak di Universiti A berpendapat program tersebut patut ditawarkan. Hal ini bermaksud idea penawaran ini tidak tertumpu pada pihak atasan sahaja tetapi memberikan peluang kepada mana-mana

pihak di Universiti A untuk mengutarakan idea yang berkaitan dengan penawaran program akademik yang baru.

Walaupun Universiti A membuka peluang kepada semua pihak mengutarakan idea mengenai penawaran program akademik yang baru, tetapi lazimnya, idea penawaran program akademik ini adalah datang daripada pihak atasan Universiti A. Hal ini adalah kerana pihak atasan terutamanya dekan dan pakar-pakar mempunyai perspektif yang meluas mengenai penawaran sesuatu program akademik.

Sumber idea kepada penawaran program akademik yang baru ini juga adalah berbeza mengikut peringkat penawaran program akademik tersebut, sama ada ditawarkan untuk peringkat ijazah pertama, peringkat sarjana ataupun peringkat doktor falsafah. Hal ini adalah kerana peringkat pengajian ini juga turut mempengaruhi sumber kepada idea untuk menawarkan program akademik yang baru di Universiti A. Kajian mendapati, kebanyakan program akademik yang ditawarkan untuk peringkat ijazah pertama adalah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Sebaliknya, kebanyakan program akademik bagi peringkat lepasan ijazah adalah ditetapkan oleh pihak Universiti A sendiri. Hal ini bermakna, penetapan program akademik yang baru bagi peringkat pasca siswazah lebih fleksibel kepada pihak Universiti A berbanding dengan program akademik bagi peringkat ijazah pertama kerana penawaran program akademik peringkat ijazah pertama masih tertakluk di bawah kuasa kerajaan.


Penilaian semula program akademik

Program akademik yang ditawarkan di Universiti A akan dinilai semula pada jangka masa yang tertentu. Hal ini demikian bagi mengelakkan program akademik tersebut ketinggalan dan tidak seiring dengan keperluan dan kehendak persekitaran yang sentiasa berubah.

Penilaian merupakan satu daripada proses yang terdapat dalam kitaran pembangunan program akademik di Universiti A. Kitaran yang bermula dengan proses merangka, diikuti dengan penawaran program tersebut. Program yang telah ditawarkan ini perlu dinilai semula bagi memastikan penawarannya adalah seiring dengan keperluan semasa persekitaran. Hal ini adalah kerana sesuatu program akademik akan diubahsuai dan dirangka semula (sekiranya perlu) berdasarkan cadangan dan maklumat yang

diperoleh daripada proses penilaian semula yang dilakukan ke atasnya. Kitaran ini ditunjukkan dalam rajah 1.

Sehubungan itu, kajian ini mendapati Universiti A menetapkan bahawa setiap fakulti perlu menilai semula program akademik yang ditawarkan di fakulti mereka setiap tiga hingga lima tahun sekali.



RAJAH 1: Proses kitaran pembangunan program akademik

Aliran peringkat penilaian semula program akademik di Universiti A

Proses penilaian semula setiap program akademik di Universiti A dilakukan secara berterusan oleh pihak universiti tersebut. Walau bagaimanapun, penilaian keseluruhan bagi sesuatu program akademik akan dilakukan setelah kumpulan pertama pelajar yang mengikut program akademik tersebut menamatkan pengajian mereka.

Proses penilaian program akademik secara komprehensif di Universiti A adalah di bawah bidang kuasa Timbalan Rektor Bahagian Akademik. Kajian ini mendapati terdapat beberapa buah jawatankuasa telah ditubuhkan di peringkat fakulti dan universiti bagi tujuan penilaian semula program akademik di Universiti A. Satu jawatankuasa khas, iaitu Lembaga Penilaian Semula Akademik (*Board of Academic Review*) telah diwujudkan bagi tujuan memantau tugas-tugas penilaian semula program akademik yang dijalankan secara terperinci oleh setiap fakulti di Universiti A. Lembaga yang

dipengerusikan oleh Timbalan Rektor Bahagian Akademik Universiti A ini dianggotai oleh wakil daripada Pusat Penjaminan Kualiti Universiti A pegawai-pegawai Universiti A yang terdiri daripada profesor dan profesor kanan (*senior professor*) serta wakil dari setiap fakulti di Universiti A.

Selain itu, Lembaga ini juga bertanggungjawab sebagai pemantau kepada proses penilaian semula keseluruhan program akademik di Universiti A. Lembaga ini akan meneliti dan memberikan arahan kepada fakulti agar menilai semua program akademik mereka sekiranya Lembaga tersebut merasakan fakulti perlu berbuat demikian.

Berdasarkan temu bual yang dibuat, kajian ini mendapati, tanggungjawab menilai semula program akademik ini diserahkan kepada pihak fakulti kerana tugas penilaian program akademik memerlukan kepakaran dalam bidang ilmu yang berkaitan dengan program akademik yang dinilai. Sehubungan itu, tugas ini amat sesuai dijalankan oleh pakar dalam bidang yang berkaitan yang ada di setiap fakulti.

Penilaian semula program akademik di peringkat fakulti adalah di bawah tanggungjawab Jawatankuasa Penilaian Semula Akademik (*Academic Review Committee*) yang dipengerusikan oleh Dekan dan dibantu oleh Timbalan Dekan. Proses penilaian semula program akademik di peringkat fakulti dijalankan secara berperingkat dan tugas-tugas tersebut diagihkan mengikut bidang pengajian yang berkaitan dengan program akademik yang dinilai dan peringkat pengajian di mana program akademik tersebut ditawarkan. Kajian ini mendapati Jawatankuasa Penilaian Semula Akademik merupakan jawatankuasa yang bertanggungjawab memantau proses penilaian semula semua program akademik di peringkat fakulti. Manakala di bawah jawatankuasa ini telah diwujudkan dua lagi jawatankuasa kecil, iaitu Jawatankuasa Penilaian Semula Akademik Peringkat Sarjana Muda dan Jawatankuasa Penilaian Semula Peringkat Pasca Siswazah.

Jawatankuasa penilaian ini bertindak sebagai pemantau kepada pelaksanaan tugas-tugas penilaian semula program akademik di peringkat fakulti yang secara khususnya dijalankan oleh jabatan-jabatan yang ada di fakulti tersebut. Dalam proses penilaian ini, setiap jabatan bertanggungjawab menilai semula program akademik di jabatan mereka serta menyediakan laporan penilaian tersebut untuk diserahkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Penilaian Semula Akademik. Laporan penilaian yang telah disediakan oleh jabatan akan disemak terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Penilaian Semula Akademik Peringkat Sarjana Muda (bagi program

akademik peringkat sarjana muda) dan Jawatankuasa Penilaian Semula Akademik Peringkat Sarjana (bagi program akademik peringkat sarjana) sebelum laporan tersebut dihantar ke Jawatankuasa Penilaian Semula Akademik yang utama di peringkat fakulti berkenaan.

Laporan Penilaian yang telah siap disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Penilaian Semula Akademik di peringkat fakulti akan dihantar untuk mendapat kelulusan daripada Lembaga Penilaian Semula Akademik Universiti A. Lembaga ini akan menyemak dan meneliti laporan penilaian yang disediakan oleh fakulti sebelum meluluskan dan menghantar laporan tersebut untuk mendapatkan kelulusan daripada Senat. Sekiranya laporan penilaian yang diberikan oleh pihak fakulti tidak memuaskan pihak Lembaga, proses penilaian tersebut perlu dilakukan sekali lagi.

Laporan penilaian yang telah dinilai oleh Lembaga Penilaian Semula Akademik kemudiannya akan dihantar ke Senat untuk mendapat kelulusan. Kelulusan daripada Senat amat diperlukan bagi memastikan penilaian yang telah dibuat dapat diguna pakai untuk program akademik yang berkaitan di Universiti A. Hal ini adalah kerana Senat merupakan badan tertinggi yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal yang berkaitan dengan akademik di Universiti A. Walau bagaimanapun, kelulusan daripada Senat akan diperoleh sekiranya Lembaga Penilaian Semula Akademik berpuas hati dengan laporan penilaian yang diterima daripada pihak fakulti. Hal ini bermakna Lembaga Penilaian Semula Akademik bertanggungjawab sepenuhnya dalam tugas menilai semula program akademik di Universiti A.

Penilaian program akademik Universiti A oleh pihak luar organisasi

Selain penilaian yang dibuat oleh pihak dalaman organisasi Universiti A, kajian ini mendapati bahawa tugas penilaian semula program akademik di Universiti A turut dilakukan oleh pihak daripada luar organisasi tersebut. Proses penilaian oleh pihak luar merupakan satu daripada polisi yang diamalkan oleh Universiti A. Walaupun proses penilaian program akademik telah dilakukan oleh pakar-pakar akademik yang ada di Universiti A, namun, laporan penilaian oleh pihak luar turut memberikan sumbangan yang amat penting kepada pembangunan program akademik di Universiti A. Hal ini adalah kerana penilai luar dapat memberikan penilaian daripada sudut pandangan yang berbeza dan input yang diperolehi daripada penilaian mereka akan memajukan dan menambahbaikkan program akademik.

Penilai luar ini datang dari pelbagai organisasi, terutamanya dari universiti luar negara dan badan profesional yang tertentu. Walau bagaimanapun, penilai dari badan-badan profesional yang tertentu hanya menilai program-program akademik dalam bidang profesional sahaja. Lazimnya, wakil dari badan profesional ini datang memantau dan menilai program akademik di Universiti A dalam jangka masa yang tertentu seperti empat tahun sekali bagi tujuan pengiktirafan (akreditasi).

Berdasarkan kenyataan Dekan Fakulti Farmasi, pengiktirafan yang diberikan oleh badan profesional ini adalah mengikut tahap kepuasan mereka terhadap pelaksanaan program akademik di fakulti yang berkaitan. Sekiranya pelaksanaan program akademik yang dinilai adalah pada tahap yang kurang memuaskan, penilaian daripada badan tersebut akan dilakukan dengan lebih kerap lagi.

Pengiktirafan yang diberikan oleh badan profesional ini juga adalah sah untuk tempoh masa yang tertentu sahaja. Tempoh masa sah untuk pengiktirafan yang diberikan itu adalah bergantung kepada kepuasan pihak tersebut terhadap program akademik yang dinilai. Sekiranya pihak penilai kurang berpuas hati dengan program akademik yang dinilai, keadaan ini akan mengurangkan tempoh masa sah pengiktirafan tersebut. Ini bermaksud tempoh sah pengiktirafan yang diperoleh dan kekerapan penilai dari badan profesional datang menilai program akademik di Universiti A adalah mempunyai perkaitan dengan kepuasan mereka terhadap program akademik yang dinilai.

Manakala, bagi program akademik yang berkaitan dengan bidang selain bidang profesional seperti sastera dan sains sosial, penilai luar lazimnya terdiri daripada pensyarah-pensyarah daripada universiti luar negara. Hal ini bermaksud, selain menjalin kerjasama dengan pensyarah-pensyarah daripada universiti luar negara, pandangan mereka juga turut diambil kira dalam proses penilaian semula program akademik di Universiti A.

Selain itu, pihak Kementerian Pengajian Tinggi juga turut memainkan peranan dalam proses penilaian program akademik di Universiti A. Hal ini adalah kerana, pihak Kementerian merupakan pihak berkepentingan yang utama bagi Universiti A serta mempunyai autonomi untuk mengarahkan universiti tersebut membuat penilaian ke atas program akademik mereka tawarkan sekiranya pihak kementerian merasakan tindakan tersebut perlu dilakukan.

Laporan penilaian program akademik di universiti tersebut pula perlu disediakan untuk diaudit oleh pihak Kementerian. Selain mengaudit berdasarkan laporan penilaian yang dikemukakan oleh pihak Universiti A, pihak Kementerian Pengajian Tinggi turut dijangka akan datang untuk

membuat penilaian ke atas universiti tersebut termasuk program akademik yang ditawarkan. Tugas ini akan dilakukan oleh Jawatankuasa Penjaminan Kualiti yang baru ditubuhkan oleh Kementerian tersebut. Ini bermaksud pihak Kementerian Pengajian Tinggi juga turut memainkan peranan dalam memberikan input kepada pembangunan program akademik di Universiti A.

Selain penilaian berbentuk formal, maklum balas berbentuk informal daripada pihak-pihak berkepentingan di luar Universiti A juga turut menyumbangkan input kepada usaha menilai semula program akademik di universiti tersebut. Pihak berkepentingan seperti Kementerian Pengajian Tinggi, Jabatan Perkhidmatan Awam serta pihak majikan yang lain dapat membantu Universiti A menilai keberkesanan program akademik mereka terhadap keperluan dan kehendak semasa persekitaran. Hal ini bermaksud maklum balas sebegini dapat membantu menjadi penanda aras (*benchmark*) kepada Universiti A dalam menilai kerelevanan program akademik mereka dengan keperluan semasa pasaran kerja.

Penilaian daripada penilai luar ini akan memberikan input kepada pembangunan program akademik di Universiti A. Mereka akan mengemukakan cadangan tentang perkara-perkara atau tindakan yang mereka fikirkan perlu dilakukan untuk membangunkan program akademik di universiti tersebut. Walau bagaimanapun, cadangan-cadangan yang diberikan ini akan dipertimbangkan terlebih dahulu oleh pihak Universiti A sebelum menerimanya. Hal ini bermakna cadangan penilai luar akan dipertimbangkan berdasarkan kesesuaian cadangan tersebut dengan visi, misi dan objektif Universiti A.

Pengintegrasian Pendidikan Islam dalam program akademik

Islamisasi merupakan satu keunikan yang ada pada setiap program akademik yang ditawarkan di Universiti A. Pengintegrasian antara Pendidikan Islam dengan program akademik yang dibangunkan turut menjadi misi dan agenda utama pembangunan di universiti tersebut. Sehubungan itu, keunikan inilah yang sentiasa dijaga dan diambil kira oleh pihak Universiti A dalam setiap usaha pembangunan yang mereka jalankan termasuk pembangunan program akademik.

Kajian mendapati nilai-nilai keislaman diterapkan dalam kurikulum yang dibangunkan di universiti tersebut. Bagi menjayakan usaha pengintegrasian ini, Universiti A mensyaratkan setiap program akademik

yang dibangunkan di setiap fakulti perlu mempunyai penerapan nilai-nilai keislaman di dalamnya. Malahan, perkara tersebut turut dibincangkan dalam mesyuarat Senat dan setiap wakil yang mempunyai cadangan berkenaan dengan hal tersebut digalakkan memberikan cadangan.

Kajian mendapati usaha Universiti A dalam mengintegrasikan nilai-nilai Islam ke dalam setiap program akademik mereka adalah melalui pelbagai kaedah mengikut bidang pengajian tertentu. Hal ini kerana bagi sesetengah bidang tertentu, nilai-nilai Islam ini dapat diintegrasikan secara langsung ke dalam program akademik mereka seperti bidang yang berkaitan dengan Syariah, Ilmu Wahyu, Sejarah Islam dan sebagainya. Namun, terdapat juga bidang-bidang ilmu yang tidak boleh dilakukan pengintegrasian tersebut secara langsung. Justeru itu, pelbagai cara telah digunakan oleh pihak-pihak yang terbabit dalam usaha membangunkan program akademik ini untuk memastikan pengintegrasian antara nilai Islam dengan program akademik yang ditawarkan dapat dilakukan. Hal ini bukan sahaja melibatkan pihak atasan universiti dan setiap fakulti, malahan turut melibatkan staf akademik yang menjadi saluran utama menyampaikan intipati sesuatu program akademik kepada pelajar di Universiti A. Hal ini bermakna program akademik yang diintegrasikan ini dapat melatih pelajar di Universiti A melihat sesuatu perkara daripada dua perspektif, iaitu perspektif sekular dan juga perspektif Islam.

Pengintegrasian yang menjadi misi kepada pembangunan Universiti A ini turut menjadikan kursus-kursus yang berasaskan Pendidikan Islam sebagai kursus wajib setiap pelajar di universiti tersebut. Hal ini bagi memastikan misi universiti untuk mengintegrasikan pengetahuan pelajar tentang ilmu duniawi dan ukhrawi dapat direalisasikan.

Bagi bidang sains dan teknologi pula, pendekatan yang digunakan untuk pengintegrasian ini turut memerlukan kreativiti agar matlamat pengintegrasian itu tercapai. Hal ini dilakukan dengan menginterpretasikan hasil kajian dengan unsur keislaman. Malahan, falsafah bidang sains turut mempunyai perkaitan yang rapat dengan kebesaran Allah.

Perkaitan antara nilai Islam dengan bidang sains bukan hanya dapat ditetapkan dalam aspek falsafahnya sahaja. Dari aspek sejarah, perkembangan bidang sains di dunia juga membuktikan bahawa bidang tersebut pada suatu ketika dahulu dipelopori oleh ulama-ulama Islam. Justeru itu, perkara tersebut boleh diterapkan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran bidang tersebut.

Faktor Islamisasi ini menjadi faktor penting yang diambil kira dalam pertimbangan dalam pembangunan fakulti baru serta menawarkan program

akademik yang baru di Universiti A. Malahan, faktor ini menjadi persoalan utama perlu dihujahkan dalam usaha mewujudkan program-program akademik baru di universiti tersebut. Faktor ini perlu dihujahkan terlebih dahulu sebelum usulan mewujudkan program akademik baru diteruskan. Contoh yang amat jelas berlaku di Universiti A ialah semasa universiti tersebut bercadang untuk menubuhkan Fakulti Kejuruteraan. Hal ini seperti yang dijelaskan secara panjang lebar oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan tentang hujahan awal mengenai pengintegrasian nilai Islam dalam program akademik bagi bidang kejuruteraan yang pada masa tersebut baru di peringkat usulan untuk dibangunkan. Antara hujah yang beliau ajukan ialah dari aspek sejarah perkembangan bidang sains dan teknologi yang suatu ketika dahulu dipelopori oleh ulama Islam.

Selain melihat daripada aspek sejarah, Dekan fakulti tersebut turut menggunakan sumbangan ahli sains Islam terhadap perkembangan bidang tersebut. Menurut beliau, penerapan ini dapat dilakukan secara tidak langsung dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran program akademik tersebut. Hujahan terakhir yang digunakan oleh pihak Universiti A untuk mempertahankan cadangan membina Fakulti Kujuruteraan di Universiti A adalah mengenai etika profesional yang dapat dihasilkan daripada program akademik bagi bidang kejuruteraan yang dibangunkan oleh Universiti A. Penekanan terhadap penerapan nilai-nilai keislaman ke dalam setiap program akademik di Universiti A termasuklah bagi bidang kejuruteraan bukan sahaja dapat menghasilkan tenaga kerja yang mahir dalam bidang tersebut tetapi beretika menurut perspektif Islam. Hal ini dijelaskan oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan,

Dan yang ketiga yang lebih formal ialah kita hendak tekankan mengenai *professional ethic*. Kita lihat, kita begitu sedih sekali pada waktu ini kita lihat apabila ahli sains, jurutera, ahli sains hatta apa . . . sehingga doktor-doktor pun terutamanya di negara Barat yang menjadi begitu materialistik maknanya begitu kebendaan, sehingga mengabaikan aspek-aspek etika dan sosial, tanggungjawab sosial. Sebab itulah kita lihat, bom di sana sini, kita lihat pencemaran alam, kita lihat *mercy killing*, pembunuhan dan sebagainya. Jadi ini satu benda yang kita nak tekankan, *ethic*. Etika daripada perspektif Islam. Jadi kita ada, yang itu pun kita ada kursus-kursus khaslah, yang membincangkan tentang *professional ethic*. Jadi apabila kita menjadi seorang jurutera, Islam pula, maknanya kita mesti ada mempunyai etika, ada benda-benda yang kita boleh buat, ada benda yang kita tidak boleh buat.

Hal ini bermakna bahawa pengintegrasian amat perlu dipertimbangkan dalam program-program akademik yang dibangunkan di Universiti A agar misi yang digariskan untuk pembangunan universiti tersebut dapat dicapai. Pengintegrasian ini tidak terhad kepada program akademik yang berkaitan dengan bidang Pendidikan Islam sahaja, tetapi meliputi semua program akademik termasuklah yang berkaitan dengan bidang sains dan teknologi.

Implikasi dan Rumusan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa Universiti awam-antarabangsa ini sentiasa berusaha memastikan program akademik yang ditawarkan adalah relevan dengan keperluan semasa sesuai dengan hasrat untuk memperkasa kualiti modal insan yang bakal dikeluarkan. Malahan, aspek kualiti yang ingin diperkasa bukan hanya bertumpu kepada kemahiran dan pengetahuan, tetapi turut memberi penekanan terhadap aspek sahsiah dan akhlak diri modal insan tersebut. Tegasnya, tindakan ini diambil bagi menyokong usaha universiti awam menghasilkan “produk” yang berkualiti untuk ditawarkan kepada pihak-pihak berkepentingan di persekitaran organisasi tersebut seperti pihak kerajaan, pihak industri, para majikan, kakitangan universiti, ibu bapa dan pelajar. Hal ini adalah kerana modal insan berkualiti yang dikeluarkan oleh universiti dapat memberikan pulangan dalam pelbagai bentuk seperti pelaburan, komitmen yang tinggi, penyertaan pelajar yang meningkat dan sebagainya. Keadaan ini menjelaskan bahawa wujudnya pertukaran antara kursus/program yang ditawarkan oleh universiti dengan permintaan persekitaran yang merupakan pasaran kepada universiti awam.

Rujukan

- Altbach, P. G. 1991. Patterns in higher education development: Towards the year 2000. *Prospect*, XXI (2), 189–203.
- Chew Sing Buan dan Lee Kiong Hock. 1995. Introduction. Dalam *Education and work: Aspirations of Malaysian secondary school students*, ed. Chew Sing Buan, Lee Kiong Hock, dan Quek Ai Hwa, 1–13. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Fagerlind, I., dan L. J. Saha. 1983. *Education and national development*. Oxford: Pergamon Press.
- Fehl, N. E. 1965. *The idea of a university in East and West*. Hong Kong: Chung Chi College.
- Hussein bin Hj. Ahmad. 1993. *Pendidikan dan masyarakat: Antara dasar, reformasi dan wawasan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Johari Mat. 2000. Planning issues in higher education. Dalam *International conference on policy issues in higher education in the new millenium*, ed. Norbani Abdullah, 50–56. Kuala Lumpur: INTAN.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2001. *Pembangunan pendidikan 2001–2010: Perancangan bersepadu penjana kecemerlangan pendidikan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rahmah Ismail. 1996. *Modal manusia dan perolehan buruh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saha, L. J. 1991. Universities and national development: Issues and problems in developing countries. *Prospect*, XXI (2), 249–257.
- Schultz, T. W. 1977. Investment in human capital. Dalam *Power and the education*, ed. Karabel, dan Halsey. New York: Oxford University Press.
- Sufean bin Hussin. 2002. Agenda politik pembinaan negara dan dasar-dasar pendidikan: Satu imbasan am. Dalam *Dasar pendidikan progresif: Perspektif makro dan mikro*. ed. Sufean Hussin, 1–24. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- World Bank. 1994. *Higher education: The lessons of experience*. Washington, D.C.: World Bank.
- Zainol Abidin bin Abd. Rashid. 1992. *Malaysia pada abad 21: Pembangunan sumber tenaga manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.